



Headline: Anggota bomba pula rugi RM15,400
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 3 October 2019

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 14

Anggota bomba pula rugi RM15,400

Lipis: Seorang anggota bomba di sini kerugian RM15,400 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Mahkamah Majistret Terengganu dan pegawai polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, kejadian bermula pada 30 September lalu apabila lelaki berusia 46 tahun itu menerima satu panggilan telefon dari Mahkamah Terengganu.

"Mangsa bercakap dengan seorang suspek memperkenalkan diri sebagai Faizal Zamri yang kononnya Pegawai Perhubungan Mahkamah Majistret Terengganu,"



Mangsa bercakap dengan seorang suspek memperkenalkan diri sebagai Faizal Zamri yang kononnya Pegawai Perhubungan Mahkamah Majistret Terengganu"

Mohd Wazir



katanya dalam kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan kad kredit berjumlah RM13,600.10.

"Panggilan kemudian disambungkan ke seorang lagi suspek yang memperkenalkan

diri sebagai Sarjan Amir Singh dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu.

"Sarjan Amir mendakwa mangsa mempunyai kes jenayah dan memintanya memindahkan semua wang simpanannya dalam satu

nombor akaun bank," katanya.

Mohd Wazir berkata, pada hari sama, mangsa memasukkan wang berjumlah RM15,400 dalam nombor akaun bank diberikan sebelum panggilan diputuskan.

Beliau berkata, mangsa cuba menghubungi lelaki terbabit namun talian sudah disekat, mangsa kemudian membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lipis, kelmarin.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian kerana menipu dan kami mengesan nombor digunakan suspek serta pemilik akaun bank digunakan dalam kes berkenaan," katanya.